

Siswazah UMP kongsi resipi keusahawanan

Berita Harian (Variant) 5/10/19 (Khamis) ngs: 7

Gambang: Mahasiswa disaran meningkatkan kemahiran keusahawanan sebagai persediaan untuk menempuh alam pekerjaan dan seterusnya mencipta pekerjaan, tanpa perlu menunggu tawaran pekerjaan selepas bergraduat kelak.

Pengarah Pusat Keusahawanan UMP, Prof Madya Ts Dr Hadi Manap, berkata kemahiran keusahawanan adalah antara perkara yang amat ditekankan kini sejajar hasrat untuk melahirkan mahasiswa mahu pun tenaga kerja yang mampu meroka serta berupaya mencipta peluang pekerjaan.

Beliau berkata, Pusat Keusahawanan UMP sentiasa berusaha untuk membantu pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi turut memiliki nilai tambah lain terutama dalam bidang keusahawanan.

“Di samping itu, kami juga membantu mahasiswa terutama

dalam meningkatkan kemahiran mereka menerusi latihan yang diberi termasuk melalui pertandingan keusahawanan dijalankan, selain turut menyediakan kemudahan untuk pelajar,” katanya ketika berucap dalam program forum *A Night with MyPACE: Meet the Experts* di Astaka, di sini, baru-baru ini.

Turut mengambil bahagian dalam acara berkenaan ialah siswazah Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam UMP yang juga pengasas Produksi Bangsawan Picture, Mohd Syazwan Nizam Mohd Moni dan siswazah Sarjana Kejuruteraan Kimia selaku pemilik perniagaan makanan Oden Bamsis, Mohd Nazarni Che Isa.

Sementara itu, Mohd Nazarni berkata, sesuatu perniagaan perlu dimulakan dalam skala kecil dan pengalaman ditimba akan membantu seseorang mengembangkan lagi perniagaan mereka.



Siswazah UMP yang mengambil bahagian dalam forum *A Night with MyPACE: Meet the Experts*, baru-baru ini.

“Pelajar yang ingin membabitkan diri dalam bidang keusahawanan atau memulakan perniagaan perlulah mengetahui kekuatan dan kelebihan sesuatu perniagaan yang dipilih berdasarkan kemampuan dan minat, serta bukannya didorong

oleh populariti perniagaan sedia ada di pasaran.

“Bagi saya usaha murni UMP ini wajar dipuji bagi membantu pula menasihati pelajar supaya matang dan bijak mengendalikan setiap cabaran yang ditempuhi ketika menjalankan sesuatu perniagaan.

baiknya,” katanya.

Mohd Syazwan yang mula berjinak dalam bidang produksi pula menasihati pelajar supaya matang dan bijak mengendalikan setiap cabaran yang ditempuhi ketika menjalankan sesuatu perniagaan.